



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PENUTUP PROGRAM ISM INSPIRE 2025:
ILMU, INSPIRASI, SOSIAL**

LOKASI / TARIKH / MASA

**PREMIERA HOTEL, KUALA LUMPUR
12 NOVEMBER 2025 (RABU)
4.00 PETANG**

Kemas kini 11 November 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini bagi menutup tirai **Program ISM INSPIRE 2025** — sebuah permulaan baharu yang penuh bermakna dalam perjalanan Institut Sosial Malaysia.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada seluruh warga ISM atas usaha gigih dalam menganjurkan program yang menjadi wadah perkongsian ilmu serta sebuah platform untuk menghubungkan pelbagai lapisan masyarakat terutamanya golongan muda.

INSPIRE – LEBIH DARIPADA PERKATAAN BIASA

3. Perkataan INSPIRE di sini membawa satu makna yang mendalam. Setiap huruf mempunyai maknanya yang tersendiri – **I**lmu yang membimbing, **N**ilai yang mengukuh, **S**olidariti yang menyatukan, **P**rofesionalisme yang menjana, **I**novasi yang membawa perubahan, **R**akyat yang menjadi teras dan **E**mpati yang menyentuh hati.

4. Inilah pendekatan baharu ISM – segar, mesra belia dan berani mengangkat isu sosial dengan cara yang menarik dan mudah difahami. Melalui “Inspire Talk” dan “Podcast Inspire 2025,” kita mendengar suara anak muda dalam membincangkan isu kesihatan mental, isu buli dan daya tahan sosial. Suara-suara inilah penting dan perlu didengari, kerana merekalah yang akan membentuk masa depan negara kita.

BELIA – ENJIN PERUBAHAN SOSIAL

5. Saya sering menyatakan – janganlah kita pandang rendah kepada kuasa anak muda. *United Nations Department of Economic and Social Affairs (UNDESA)* dengan tegas menyatakan bahawa “*young people are key agents for social change; they provide energy, creative ideas and determination to drive innovation and reform.*”

6. Di hadapan saya hari ini adalah aset negara. Anda semua adalah pemimpin masa depan. Anda semua mampu membawa transformasi sosial yang kita bincangkan dan inginkan. Tanpa tenaga, idea baharu dan keazaman orang muda, Malaysia tidak akan mampu menjadi negara yang progresif dan inklusif.

DASAR YANG HIDUP, BUKAN DI ATAS KERTAS SAHAJA

7. ISM INSPIRE 2025 ini adalah sebahagian daripada ekosistem pembangunan sosial yang lebih besar. Penganjuran program ini bertepatan dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan sosial inklusif, dan Dasar Sosial Negara (DSN) 2030 yang menjajarkan 44 dasar sosial utama negara.

8. Tetapi saya mahu anda tahu — dasar-dasar ini perlu diterjemahkan kepada tindakan nyata. Ia adalah komitmen kerajaan yang mesti sampai kepada rakyat. Dan anda semua — belia, pekerja sosial, NGO, akademia — adalah rakan kongsi kerajaan dalam merealisasikan dasar-dasar ini supaya ia benar-benar menyentuh kehidupan rakyat.

PROFESIONALISME KERJA SOSIAL

9. Pada tahun 2027, KPWKM melalui ISM akan menyiapkan Kajian Pembangunan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial Malaysia. Kajian ini adalah usaha memartabatkan profesion kerja sosial — memastikan setiap pekerja sosial di negara ini dilengkapi dengan kompetensi yang kukuh, beretika tinggi, dan berkesan dalam membantu mereka yang memerlukan.

10. Kita mahu kerja sosial di Malaysia diiktiraf sebagai profesion yang berasaskan ilmu, data dan bukti, tanpa menghilangkan nilai empati dan kemanusiaan.

KERJASAMA – KEKUATAN KITA BERSAMA

11. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik — Malaysia Association of Social Workers (MASW), universiti awam dan swasta, agensi kerajaan, NGO dan sektor korporat.

12. Kejayaan program ini membuktikan bahawa apabila kita bekerja bersama, apabila kita berkongsi visi yang sama, kita mampu mencapai sesuatu yang bermakna. Inilah kekuatan sebenar kita sebagai sebuah negara yang penuh dengan kepelbagaian — kita membina bersama, kita maju bersama, dan kita memastikan tidak ada yang tertinggal.

PENUTUP

13. Apabila program ini sampai ke penghujungnya nanti, saya mahu anda semua membawa pulang lebih daripada sijil atau kenangan. Bawalah pulang azam untuk menjadi lebih prihatin, lebih berani, lebih berempati. Jadilah cahaya dalam komuniti anda dan jadi suara untuk mereka yang tidak dapat bersuara.

14. Pembangunan sosial negara sebenarnya bermula dengan anda, di tempat anda berdiri dan dengan orang di sekeliling anda. KPWKM akan terus menyokong ISM untuk menjadi hav pembangunan sosial negara yang melahirkan masyarakat penyayang, seimbang dan berdaya tahan. Semoga ISM INSPIRE ini terus berkembang untuk menjadi platform yang penting dalam membina Malaysia yang lebih inklusif dan sejahtera.

Dengan lafaz penuh kesyukuran, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Program ISM INSPIRE 2025: Ilmu, Inspirasi, Sosial.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
12 November 2025